

Mahathir
UMNO 10 APR 1987
serah

pencalonan pertahan jawatan Presiden UMNO

KUALA LUMPUR 9 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan kertas penerimaan pencalonannya bagi mempertahankan jawatan Presiden UMNO bagi penggal ketiga.

Kertas penerimaan pencalonan itu diserahkan kepada Setiausaha Kerja UMNO, Encik Nasaruddin Alang Saidin, di ibu pejabat parti di sini oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Encik Mohamed Noor Azam, pada pukul 2.55 petang.

Encik Noor Azam selepas menyerahkan kertas itu memberitahu pemberita bahawa Perdana Menteri "yakin semua ahli UMNO masih tetap cinta dan sayangkan kepada UMNO dan tidak akan mengambil tindakan yang akan merosakkan keutuhan UMNO".

Beliau memetik Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai berkata: "Kita mewarisi (UMNO) daripada pemim-

pin - pemimpin yang dahulunya dalam keadaan baik dan kukuh, oleh itu menjadi kewajipan pemimpin dan ahli-ahli UMNO sekarang untuk memastikan supaya pemimpin - pemimpin UMNO akan datang juga menerima UMNO dalam keadaan kuat dan kukuh."

Datuk Sri Dr. Mahathir menang tanpa bertanding untuk menerajui UMNO bagi dua penggal yang lepas sejak 1981 apabila bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO Tun Hussein

Onn mengundurkan diri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah disebut - sebut akan mencabar Datuk Sri Dr. Mahathir pada pemilihan parti 24 April ini.

Pendirian

Tengku Razaleigh yang juga bekas Bendahari Agung UMNO bagaimana-pun belum lagi menyatakan pendiriannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir

telah dicalonkan oleh 88 bahagian UMNO manakala Tengku Razaleigh mendapat pencalonan daripada 37 bahagian bagi kerusi presiden parti.

Sementara itu Pejabat Setiausaha Agung UMNO hari ini difahamkan menerima tidak kurang daripada 10 kertas penerimaan pencalonan daripada setiausaha - setiausaha politik dan wakil peribadi bagi pihak mereka yang dicalonkan bertanding kerusi Majlis Tertinggi.